

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ ALOR SETAR ]**

**SOALAN :**

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) senarai nama-nama dan butir-butir kesemua 216 projek pembangunan yang telah diluluskan untuk Kedah bagi 2016 dan anggaran kos untuk setiap projek tersebut seperti dinyatakan oleh Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab soalan Parlimen beliau pada 19 November 2015

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepuluh projek utama di Kedah dalam tahun 2016 adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan Rubber City di Bukit Ketapang dengan bajet 2016 sebanyak RM320 juta;
- ii. Pembangunan Projek Pelancongan di Pulau Langkawi dengan bajet 2016 sebanyak RM100 juta;
- iii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit dengan bajet 2016 sebanyak RM100 juta;
- iv. Rancangan Tebatan Banjir Sg. Pendang dengan bajet 2016 sebanyak RM80 juta;
- v. Membina Jalan Menghubungkan Lebuhraya Utara-Selatan ke Jambatan Pulau Bunting dengan bajet 2016 sebanyak RM40 juta;
- vi. Projek Pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan dan Kampung Tradisional Kedah dengan bajet 2016 sebanyak RM22.5 juta;
- vii. Tanam Semula Sawit dan Getah Negeri Kedah dengan bajet 2016 sebanyak RM20 juta;
- viii. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Kedah dengan bajet 2016 sebanyak RM15 juta;
- ix. Pembangunan Infrastruktur Taman Sains & Teknologi di Bukit Kayu Hitam, Kedah dengan bajet 2016 sebanyak RM7.8 juta; dan

- x. **Maktab Rendah Sains MARA Sik, Kedah dengan bajet 2016 sebanyak RM5 juta.**

**Senarai lengkap projek bagi negeri Kedah telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah dan juga kepada semua Kementerian yang berkaitan bagi melaksanakan projek yang telah diluluskan.**

**Sekian, terima kasih.**